NEGERI KEDAH DARUL AMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 52
No. 15

**16hb Julai 2009**

*TAMBAHAN*
*No. 1*

**No. 703.**

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA KESIHATAN NEGERI KEDAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Kesihatan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2005. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan Piawaian Pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian Penyata Kewangan secara keseluruhan.

3. Kecuali apa yang dinyatakan di perenggan 2 hingga 3 dalam Laporan Ketua Audit Negara, pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Lembaga Kesihatan Negeri Kedah pada 31 Disember 2005, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

ALOR SETAR
Bertarikh 29 Mac 2007

JOHARI BIN ISMAIL
*b.p. Ketua Audit Negara*
*Malaysia*

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA KESIHATAN NEGERI KEDAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005

Laporan Ketua Audit Negara ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Sijil Ketua Audit Negara bagi menyokong pendapat Audit terhadap Penyata Kewangan tersebut.

2. Pemerhatian Audit terhadap Penyata Kewangan adalah seperti berikut:

2.1 Penghutang—RM9.38 juta

Baki penghutang tidak dapat disahkan kerana amaun yang berbeza di antara senarai penghutang dan Penyata Kewangan. Jumlah penghutang mengikut senarai yang dikemukakan adalah sejumlah RM11.26 juta manakala di Penyata Kewangan ditunjukkan sejumlah RM9.38 juta. Analisis pengumuran juga tidak disediakan dan sukar untuk mengenalpasti setiap penghutang serta menentukan sama ada Lembaga berupaya untuk memungut balik hutang-hutangnya.

2.2 Tanah MG 2753 Lot 140, Mukim Tawar

Geran tanah tersebut dikeluarkan di atas nama *The Baling Road Group Association.* Pemilik saham *The Baling Group Association* mempunyai 10 buah estet perladangan dan Lembaga adalah pemegang saham estet tersebut. Oleh itu, Lembaga mempunyai kepentingan secara tidak langsung ke atas tanah tersebut. Walau bagaimanapun, tiada dokumen sokongan seperti sijil pemilikan saham untuk mengesahkan perkara itu.

3. Selain daripada mengesahkan Penyata Kewangan tersebut, semakan Audit juga dibuat terhadap prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti Lembaga Kesihatan Negeri Kedah. Hasil semakan itu dinyatakan dalam perenggan berikut:

3.1 Prestasi Kewangan

Pada tahun 2005 pendapatan Lembaga Kesihatan Negeri Kedah adalah sejumlah RM3,272 dan perbelanjaan sejumlah RM68.092. Secara keseluruhan, prestasi kewangan Lembaga Kesihatan Negeri Kedah bagi tahun 2005 menunjukkan defisit berjumlah RM64,820 berbanding lebihan pendapatan daripada perbelanjaan sejumlah RM157,689 pada tahun 2004. Ini disebabkan Lembaga Kesihatan Negeri Kedah tidak menerima sebarang pemberian daripada Kerajaan Negeri pada tahun 2005.

3.2 Kedudukan Lembaga Kesihatan Negeri Kedah

Majlis Mesyuarat Kerajaan pada dasarnya telah bersetuju supaya Lembaga Kesihatan Negeri Kedah Darul Aman dibubarkan. Kerajaan Negeri juga bersetuju bahawa pihak Lembaga hendaklah mengemaskinikan Penyata Kewangan dan mengkaji kedudukan kakitangannya. Walau bagaimanapun, tiada sebarang tindakan diambil oleh pihak pengurusan Lembaga Kesihatan Negeri Kedah bagi proses pembubaran tersebut.

ALOR SETAR
Bertarikh 29 Mac 2007

JOHARI BIN ISMAIL
*b.p. Ketua Audit Negara*
*Malaysia*

PERAKUAN AHLI-AHLI

LEMBAGA KESIHATAN NEGERI KEDAH

Kami, Dato' Haji Rasli bin Bassir, D.S.D.K., A.M.K., B.C.K. dan Haji Abd Rahman bin Haji Ismail, B.C.K., dua daripada ahli-ahli Lembaga Kesihatan Negeri Kedah dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami kunci kira-kira, penyata pendapatan dan perbelanjaan dan penyata aliran tunai beserta dengan nota-nota yang mengiringinya telah diperbuat dengan cara yang betul untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Kesihatan Negeri Kedah pada 31 Disember 2005 dan hasil kendaliannya serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga,

Nama: Dato' Haji Rasli bin Bassir D.S.D.K., A.M.K., B.C.K.

Jawatan: Pengerusi

Bagi Pihak Lembaga,

Nama: Haji Abd Rahman bin Haji Ismail

Jawatan: Pengarah

SUNGAI PETANI
Bertarikh 14 Ogos 2006

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

LEMBAGA KESIHATAN NEGERI KEDAH

Saya, Haji Abd Rahman bin Haji Ismail, B.C.K., (K/P 591103-02-5655) pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Lembaga Kesihatan Negeri Kedah dengan ikhlas mengaku bahawa kunci kira-kira, penyata pendapatan dan perbelanjaan dan penyata aliran tunai beserta dengan nota-nota yang mengiringinya mengikut sebaik-baik pengetahuan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas, di Sungai Petani, Kedah Darul Aman pada 14 Ogos 2006.

Dihadapan saya,

Goh Cheng Chua
Pesuruhjaya Sumpah
Malaysia

LEMBAGA KESIHATAN NEGERI KEDAH

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2005

| | Nota | 2005 RM | 2004 RM |
|---|---|---|---|
| ASET TETAP | 3 | 2,956 | 6 |
| ASET SEMASA | | | |
| Simpanan tetap di bank berlesen | 4 | 122,851 | 173,119 |
| Penghutang | 5 | 9,376,751 | 9,376,751 |
| Pelbagai penghutang | | 238 | — |
| Wang tunai di tangan dan di bank | 6 | 34,956 | 48,196 |
| | | 9,534,796 | 9,598,066 |

| | Nota | 2005 RM | 2004 RM |
|---|---|---|---|
| LIABILITI SEMASA | | | |
| Pemiutang | 7 | 11,500 | 7,000 |
| | | 11,500 | 7,000 |
| ASET SEMASA BERSIH | | 9,523,296 | 9,591,066 |
| | | 9,526,252 | 9,591,072 |
| Dibiayai oleh: | | | |
| KUMPULAN WANG LEMBAGA | 8 | 9,516,252 | 9,581,072 |
| RIZAB TETAP | | 10,000 | 10,000 |
| | | 9,526,252 | 9,591,072 |

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005

| | 2005 RM | 2004 RM |
|---|---|---|
| PENDAPATAN | | |
| Agihan syer TSPEHA | — | 140,269 |
| Pemberian kerajaan | — | 92,833 |
| Fedah diterima | 247 | 1,280 |
| Faedah simpanan tetap | 2,996 | 4,342 |
| Lain-lain pendapatan | 28 | 1,058 |
| | 3,272 | 239,782 |
| Tolak: | | |
| PERBELANJAAN | | |
| Gaji dan upahan | 39,601 | 49,412 |
| Caruman pencen | 5,348 | 6,979 |
| Ganjaran audit | 4,500 | 5,535 |
| Elaun ahli lembaga dan kakitangan | 4,409 | 4,409 |
| Penyelenggaraan bangunan pejabat | 3,600 | 3,880 |
| Bonus kakitangan | 3,008 | 3,861 |

| | 2005 RM | 2004 RM |
|---|---|---|
| Perakaunan | 2,500 | 2,500 |
| Pos dan telefon | 1,272 | 1,170 |
| Elaun perjalanan dan pengangkutan | 806 | 341 |
| Susutnilai aset tetap | 738 | — |
| Cetakan dan alatulis | 697 | 1,370 |
| Perubatan kakitangan | 622 | 535 |
| Sewa pejabat | 528 | 528 |
| Elektrik dan air | 362 | 454 |
| Lain-lain perbelanjaan | 71 | 1,057 |
| Cukai setem | 30 | 32 |
| Penyelenggaraan komputer | — | 30 |
| | 68,091 | 82,093 |
| (Kurangan) lebihan pendapatan dari perbelanjaan | (64,820) | 157,689 |

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005

| | 2005 RM | 2004 RM |
|---|---|---|
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI | | |
| (Kurangan) lebihan pendapatan dari perbelanjaan | (64,820) | 157,689 |
| Pelarasan untuk: | | |
| Pendapatan faedah | (3,243) | (3,671) |
| Susutnilai aset tetap | 738 | — |
| Keuntungan kendalian sebelum perubahan modal kerja | (67,325) | 154,018 |
| Pertambahan (Pengurangan) dalam pemiutang | 4,500 | (5,501) |
| Tunai bersih dari aktiviti operasi | (62,825) | 148,517 |
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN | | |
| Pertambahan aset tetap | (3,688) | — |
| Pendapatan faedah | 3,243 | 3,671 |

| | | 2005<br>RM | 2004<br>RM |
|---|---|---|---|
| Pertambahan dalam pelbagai penghutang | | (238) | — |
| Tunai bersih dari aktiviti pelaburan | | (683) | 3,671 |
| (Kurangan) Lebihan bersih dalam tunai dan bersamaan tunai | | (63,508) | 152,188 |
| Tunai dan bersamaan tunai pada awal tahun | | 221,315 | 69,127 |
| Tunai dan bersamaan tunai pada akhir tahun | | 157,807 | 221,315 |
| Diwakili oleh: | | | |
| Simpanan tetap di bank berlesen | 4 | 122,851 | 173,119 |
| Tunai di bank dan di tangan | 6 | 34,956 | 48,196 |
| | | 157,807 | 221,315 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2005

1. KEGIATAN LEMBAGA

Aktiviti utama Lembaga adalah memungut cess atas perkhidmatan pentadbiran dan penyelenggaraan klinik-klinik di kawasan estet. Walau bagaimanapun berkuatkuasa pada 1-1-1999 aktiviti kutipan cess tahunan dan perkhidmatan ini telah dihentikan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

(a) Penyata kewangan disediakan menurut kelaziman kos asal dan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan.

(b) Susutnilai

Susutnilai dikira berdasarkan kaedah garis lurus mengikut tempoh aset tersebut dapat mengeluarkan hasil dengan cara yang ekonomik. Kadar-kadar susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Perabot, perkakas dan kelengkapan pejabat | 20% |

(c) Pengiktirafan Cess dan Faedah diterima

Pendapatan Cess dan Faedah diterima diambilkira di dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan berdasarkan asas akruan.

(d) Tunai dan bersamaan tunai

Tunai dan bersamaan tunai terdiri daripada wang tunai di bank dan di tangan, di mana risiko pertukaran dalam nilai adalah tidak ketara.

3. ASET TETAP

| 2005 | Perabot dan Alat Pejabat RM | Jumlah RM |
|---|---|---|
| KOS | | |
| Baki pada 1 Januari | 67,672 | 67,672 |
| Tambahan dalam tahun | 3,688 | 3,688 |
| Baki pada 31 Disember | 71,360 | 71,360 |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL | | |
| Baki pada 1 Januari | 67,666 | 67,666 |
| Tambahan dalam tahun | 738 | 738 |
| Baki pada 31 Disember | 68,404 | 68,404 |
| NILAI BUKU BERSIH | 2,956 | 2,956 |

| 2004 | Perabot dan Alat Pejabat RM | Jumlah RM |
|---|---|---|
| KOS | | |
| Baki pada 1 Januari | 67,186 | 67,186 |
| Pelarasan tahun lalu | 486 | 486 |
| Baki pada 31 Disember | 67,672 | 67,672 |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL | | |
| Baki pada 1 Januari | 67,180 | 67,180 |

| 2004 | Perabot dan Alat Pejabat RM | Jumlah RM |
|---|---|---|
| Pelarasan terkurang peruntukan tahun lalu | 486 | 486 |
| Baki pada 31 Disember | 67,666 | 67,666 |
| NILAI BUKU BERSIH | 6 | 6 |

4. SIMPANAN TETAP DI BANK BERLESEN

| | 2005 RM | 2004 RM |
|---|---|---|
| Bank Islam Malaysia Berhad | 90,000 | 140,268 |
| HSBC Bank Berhad | 32,851 | 32,851 |
| | 122,851 | 173,119 |

* Simpanan tetap di atas telah dimasukkan ke dalam Tabung Wang Tak Dituntut di bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965 oleh pihak bank. Pihak pengurusan Lembaga Kesihatan Negeri Kedah sedang di dalam proses untuk menuntut kembali wang tersebut.

5. PENGHUTANG

| | 2005 RM | 2004 RM |
|---|---|---|
| Tunggakan Cess: | | |
| Cess perkhidmatan | 1,375,971 | 1,375,971 |
| Cess hospital | 2,763,708 | 2,763,708 |
| Cess rancangan tambahan | 54,280 | 54,280 |
| | 4,193,959 | 4,193,959 |
| Tuntutan kes mahkamah | 747 | 747 |
| Faedah kelewatan bayaran cess | 5,090,158 | 5,090,158 |
| Hutang modal | 1,039 | 1,039 |
| Tuntutan yang belum dibayar oleh tuan tanah | 86,206 | 86,206 |
| Lain-lain | 4,642 | 4,642 |
| | 5,182,792 | 5,182,792 |
| | 9,376,751 | 9,376,751 |

6. TUNAI DI BANK DAN DI TANGAN

| | 2005 RM | 2004 RM |
|---|---|---|
| Bank Islam Malaysia Berhad | 21,995 | 35,234 |
| Bank Bumiputra Berhad | 12,954 | 12,892 |
| Tunai di tangan | 7 | 70 |
| | 34,956 | 48,196 |

7. PEMIUTANG

| | | |
|---|---|---|
| Ganjaran juruaudit | 9,000 | 4,500 |
| MGI-Aljeffri | 2,500 | 2,500 |
| | 11,500 | 7,000 |

8. KUMPULAN WANG LEMBAGA

| | | |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 9,581,072 | 9,423,383 |
| (Kurangan) Lebihan pendapatan atas perbelanjaan dalam tahun | (64,820) | 157,689 |
| Baki pada 31 Disember | 9,516,252 | 9,581,072 |

9. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

Angka-angka perbandingan di dalam kunci kira-kira telah dipinda seperti berikut:

| | Seperti Dilaporkan Terdahulu | Pelarasan | Seperti Dinyatakan Semula |
|---|---|---|---|
| Gaji dan upahan | 41,269 | *8,143 | 49,412 |
| Keraian pejabat | 3,258 | *(3,258) | — |
| Biro perkhidmatan Angkasa | 4,130 | *(4,130) | — |
| Lain-lain perbelanjaan | 1,812 | *(755) | 1,057 |

| | Seperti Dilaporkan Terdahulu | Pelarasan | Seperti Dinyatakan Semula |
|---|---|---|---|
| Agihan syer TSPEHA | 142,220 | *(1,951) | 140,269 |
| Faedah atas simpanan tetap | 2,391 | *1,951 | 4,342 |
| | 50,469 | — | 50,469 |

* Klasifikasi akaun

Bertarikh 21 Mei 2009
[PSU(K) 502-1378/A SK. LKNK. 39/79 Jld. II(98)]

HAJI FATHULLAH SUHAIMI BIN HAJI ISMAIL
*Pengarah*
*Lembaga Kesihatan Negeri Kedah Darul Aman*
*Sungai Petani*

**No. 704.**

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA KESIHATAN NEGERI KEDAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Kesihatan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2006. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan Piawaian Pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian Penyata Kewangan secara keseluruhan.

3. Kecuali apa yang dinyatakan di perenggan 2 hingga 3 dalam Laporan Ketua Audit Negara, pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Lembaga Kesihatan Negeri Kedah pada 31 Disember 2006, hasil operasi serta aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

ALOR SETAR
Bertarikh 23 Disember 2008

AHMAD SANUSI BIN YAACOB
*b.p. Ketua Audit Negara*
*Malaysia*

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA KESIHATAN NEGERI KEDAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

Laporan Ketua Audit Negara ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Sijil Ketua Audit Negara bagi menyokong pendapat Audit terhadap Penyata Kewangan tersebut.

2. Pemerhatian Audit terhadap Penyata Kewangan adalah seperti berikut:

2.1 Penghutang—RM9.38 juta

Baki penghutang sejumlah RM9.38 juta tidak dapat disahkan kerana Daftar Kawalan Penghutang dan Senarai Penghutang tidak disediakan. Tanpa rekod-rekod tersebut adalah diragui keupayaan Lembaga memungut balik hutang-hutangnya.

3. Selain daripada mengesahkan Penyata Kewangan tersebut, semakan Audit juga dibuat terhadap prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti Lembaga Kesihatan Negeri Kedah. Hasil semakan itu dinyatakan dalam perenggan berikut:

3.1 Prestasi Kewangan

Pada tahun 2006 pendapatan Lembaga Kesihatan Negeri Kedah adalah sejumlah RM132,696 dan perbelanjaan sejumlah RM77,080. Secara keseluruhan, prestasi kewangan Lembaga Kesihatan Negeri Kedah bagi tahun 2006 menunjukkan lebihan pendapatan daripada perbelanjaan berjumlah RM55,616 berbanding tahun 2005 yang mengalami defisit sejumlah RM64,820. Lebihan ini disebabkan Lembaga Kesihatan Negeri Kedah telah menerima pemberian sejumlah RM100,000 daripada Kerajaan Negeri dalam tahun 2006.

3.2 Kedudukan Lembaga Kesihatan Negeri Kedah

Majlis Mesyuarat Kerajaan pada dasarnya telah bersetuju supaya Lembaga Kesihatan Negeri Kedah Darul Aman dibubarkan. Kerajaan Negeri juga bersetuju bahawa pihak Lembaga hendaklah mengemaskinikan Penyata Kewangan dan mengkaji kedudukan kakitangannya. Tindakan sedang diambil oleh pihak pengurusan Lembaga Kesihatan Negeri Kedah bagi proses pembubaran tersebut.

ALOR SETAR
Bertarikh 23 Disember 2008

AHMAD SANUSI BIN YAACOB
*b.p. Ketua Audit Negara*
*Malaysia*

PERAKUAN AHLI-AHLI

LEMBAGA KESIHATAN NEGERI KEDAH

Kami, Dato' Wira Haji Rasli bin Bassir, D.G.M.K., D.S.D.K., A.M.K., B.C.K. dan Haji Abd Rahman bin Haji Ismail, A.M.K., B.C.K., dua daripada ahli-ahli Lembaga Kesihatan Negeri Kedah dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami kunci kira-kira, penyata pendapatan dan perbelanjaan dan penyata aliran tunai beserta dengan nota-nota yang mengiringinya telah diperbuat dengan cara yang betul untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Kesihatan Negeri Kedah pada 31 Disember 2006 dan hasil kendalinya serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

| Bagi Pihak Lembaga, | | Bagi Pihak Lembaga, | |
|---|---|---|---|
| Nama: | Dato' Wira Haji Rasli bin Basir D.G.M.K., D.S.D.K., A.M.K., B.C.K. | Nama: | Haji Abd Rahman bin Haji Ismail |
| Jawatan: | Pengerusi | Jawatan: | Pengarah |

SUNGAI PETANI
Bertarikh 22 November 2007

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

LEMBAGA KESIHATAN NEGERI KEDAH

Saya, Haji Abd Rahman bin Haji Ismail, A.M.K., B.C.K., (K/P 591103-02-5655) pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Lembaga

Kesihatan Negeri Kedah dengan ikhlas mengaku bahawa kunci kira-kira, penyata pendapatan dan perbelanjaan dan penyata aliran tunai beserta dengan nota-nota yang mengiringinya mengikut sebaik-baik pengetahuan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akaun Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas, di Sungai Petani, Kedah Darul Aman pada 22 November 2007.

Dihadapan saya,

Goh Cheng Chua
Pesuruhjaya Sumpah
Malaysia

LEMBAGA KESIHATAN NEGERI KEDAH

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2006

| | Nota | 2006<br>RM | 2005<br>RM |
|---|---|---|---|
| ASET TETAP | 3 | 2,660 | 2,956 |
| ASET SEMASA | | | |
| Simpanan tetap di bank berlesen | 4 | 122,851 | 122,851 |
| Penghutang | 5 | 9,376,751 | 9,376,751 |
| Pelbagai penghutang | | 238 | 238 |
| Wang tunai di tangan dan di bank | 6 | 86,121 | 34,956 |
| | | 9,585,961 | 9,534,796 |
| LIABILITI SEMASA | | | |
| Pemiutang | 7 | 6,753 | 11,500 |
| | | 6,753 | 11,500 |
| ASET SEMASA BERSIH | | 9,579,208 | 9,523,296 |
| | | 9,581,868 | 9,526,252 |

| | Nota | 2006<br>RM | 2005<br>RM |
|---|---|---|---|
| Dibiayai oleh: | | | |
| Kumpulan Wang Lembaga | 8 | 9,571,868 | 9,516,252 |
| Rizab Tetap | | 10,000 | 10,000 |
| | | 9,581,868 | 9,526,252 |

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

| | 2006<br>RM | 2005<br>RM |
|---|---|---|
| PENDAPATAN | | |
| Faedah diterima | 153 | 247 |
| Faedah simpanan tetap | 861 | 2,996 |
| Lain-lain pendapatan | 31,682 | 28 |
| Pemberian Kerajaan | 100,000 | — |
| | 132,696 | 3,272 |
| PERBELANJAAN | | |
| Bonus kakitangan | 3,151 | 3,008 |
| Caruman pencen | 5,570 | 5,348 |
| Cetakan dan alatulis | 1,434 | 697 |
| Cukai setem | 23 | 30 |
| Elaun ahli lembaga dan kakitangan | 5,334 | 4,409 |
| Elaun keraian | 3,000 | — |
| Elaun perjalanan dan pengangkutan | 1,018 | 806 |
| Elektrik dan air | 435 | 362 |
| Gaji dan upahan | 39,888 | 39,601 |
| Ganjaran audit | | |
| —semasa | 2,000 | 4,500 |
| —terlebih peruntukan tahun lepas | (2,600) | — |
| Keraian pejabat | 63 | — |
| Lain-lain perbelanjaan | 54 | 71 |
| Penyelenggaraan bangunan pejabat | 11,780 | 3,600 |
| Perakaunan | 2,500 | 2,500 |
| Perubatan dan kakitangan | 700 | 622 |
| Pos dan telefon | 1,906 | 1,272 |
| Sewa pejabat | 528 | 528 |

| | 2006 RM | 2005 RM |
|---|---|---|
| Susutnilai aset tetap | 296 | 738 |
| Jumlah perbelanjaan | 77,080 | 68,091 |
| Lebihan (kurangan) pendapatan dari perbelanjaan | 55,616 | (64,820) |

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI

| | Nota | 2006 RM | 2005 RM |
|---|---|---|---|
| Lebihan (kurangan) pendapatan dari perbelanjaan | | 55,616 | (64,820) |
| Pelarasan untuk: | | | |
| Pendapatan faedah | | (1,014) | (3,243) |
| Susutnilai aset tetap | | 296 | 738 |
| Kerugian kendalian sebelum perubahan modal kerja | | 54,898 | (67,325) |
| Pertambahan (Pengurangan) dalam pemiutang | | (4,747) | 4,500 |
| Tunai bersih daripada aktiviti operasi | | 50,151 | (62,825) |

ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN

| | 2006 | 2005 |
|---|---|---|
| Pertambahan aset tetap | — | (3,688) |
| Pendapatan faedah | 1,014 | 3,243 |
| Pertambahan dalam pelbagai penghutang | — | (238) |
| Tunai bersih daripada aktiviti pelaburan | 1,014 | (683) |
| Pertambahan (pengurangan) bersih dalam tunai dan bersamaan tunai | 51,165 | (63,508) |
| Tunai dan bersamaan tunai pada awal tahun | 157,807 | 221,315 |
| Tunai dan bersamaan tunai pada akhir tahun | 208,972 | 157,807 |

| | Nota | 2006<br>RM | 2005<br>RM |
|---|---|---|---|
| Diwakili oleh: | | | |
| Simpanan tetap di bank berlesen | 4 | 122,851 | 122,851 |
| Wang di tangan dan di bank | 6 | 86,121 | 34,956 |
| | | 208,972 | 157,807 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2006

1. KEGIATAN UTAMA DAN MAKLUMAT AM

Aktiviti utama Lembaga adalah memungut cess atas perkhidmatan pentadbiran dan penyelenggaraan klinik-klinik di kawasan estet. Walau bagaimanapun berkuat kuasa pada 1-1-1999 aktiviti kutipan cess tahunan dan perkhidmatan ini telah dihentikan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

(a) Penyata kewangan disediakan menurut kelaziman kos asal dan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan.

(b) Susutnilai

Susutnilai dikira berdasarkan kaedah garis lurus mengikut tempoh aset tersebut dapat mengeluarkan hasil dengan cara yang ekonomik. Kadar-kadar susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Perabot, perkakas dan kelengkapan pejabat | 20% |

(c) Pengiktirafan Cess dan Faedah diterima

Pendapatan Cess dan Faedah diterima diambilkira di dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan berdasarkan asas akruan.

(d) Tunai dan bersamaan tunai terdiri daripada wang tunai di bank dan di tangan, di mana risiko pertukaran dalam nilai adalah tidak ketara.

3. ASET TETAP

| 2006 | Perabot dan Alat Pejabat<br>RM | Jumlah<br>RM |
|---|---|---|
| KOS | | |
| Baki pada 1 Januari | 71,360 | 71,360 |

| 2006 | Perabot dan Alat Pejabat RM | Jumlah RM |
|---|---|---|
| Tambahan dalam tahun | — | — |
| Pelupusan dalam tahun | (3,350) | (3,350) |
| Baki pada 31 Disember | 68,010 | 68,010 |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL | | |
| Baki pada 1 Januari | 68,404 | 68,404 |
| Tambahan dalam tahun | 296 | 296 |
| Pelupusan dalam tahun | (3,350) | (3,350) |
| Baki pada 31 Disember | 65,350 | 65,350 |
| NILAI BUKU BERSIH | 2,660 | 2,660 |

| 2005 | Perabot dan Alat Pejabat RM | Jumlah RM |
|---|---|---|
| KOS | | |
| Baki pada 1 Januari | 67,672 | 67,672 |
| Tambahan dalam tahun | 3,688 | 3,688 |
| Baki pada 31 Disember | 71,360 | 71,360 |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL | | |
| Baki pada 1 Januari | 67,666 | 67,666 |
| Tambahan dalam tahun | 738 | 738 |
| Baki pada 31 Disember | 68,404 | 68,404 |
| NILAI BUKU BERSIH | 2,956 | 2,956 |

4. SIMPANAN TETAP DI BANK BERLESEN

| | 2006 RM | 2005 RM |
|---|---|---|
| Bank Islam Malaysia Berhad | 90,000 | 90,000 |

| | 2006 RM | 2005 RM |
|---|---|---|
| HSBC Bank Berhad* | 32,851 | 32,851 |
| | 122,851 | 122,851 |

* Simpanan tetap di atas telah dimasukkan ke dalam Tabung Wang Tak Dituntut di bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965 oleh pihak bank. Pihak pengurusan Lembaga Kesihatan Negeri Kedah sedang di dalam proses untuk menuntut kembali wang tersebut.

5. PENGHUTANG

| | 2006 RM | 2005 RM |
|---|---|---|
| Tunggakan Cess: | | |
| Cess perkhidmatan | 1,375,971 | 1,375,971 |
| Cess hospital | 2,763,708 | 2,763,708 |
| Cess rancangan tambahan | 54,280 | 54,280 |
| | 4,193,959 | 4,193,959 |
| Tuntutan kes mahkamah | 747 | 747 |
| Faedah kelewatan bayaran cess | 5,090,158 | 5,090,158 |
| Hutang modal | 1,039 | 1,039 |
| Tuntutan yang belum dibayar oleh tuan tanah | 86,206 | 86,206 |
| Lain-lain | 4,642 | 4,642 |
| | 5,182,792 | 5,182,792 |
| | 9,376,751 | 9,376,751 |

6. TUNAI DI BANK DAN DI TANGAN

| | | |
|---|---|---|
| Bank Islam Malaysia Berhad | 73,107 | 21,995 |
| Bumiputra-Commerce Bank Berhad | 12,954 | 12,954 |
| Tunai di tangan | 60 | 7 |
| | 86,121 | 34,956 |

| | 2006 RM | 2005 RM |
|---|---|---|
| 7. PEMIUTANG | | |
| Ganjaran juruaudit | 4,253 | 9,000 |
| Yuran perakaunan | 2,500 | 2,500 |
| | 6,753 | 11,500 |
| 8. KUMPULAN WANG LEMBAGA | | |
| Baki pada 1 Januari | 9,516,252 | 9,581,072 |
| Lebihan (kurangan) pendapatan atas perbelanjaan dalam tahun | 55,616 | (64,820) |
| Baki pada 31 Disember | 9,571,868 | 9,516,252 |

Bertarikh 21 Mei 2009

[PSU(K) 502-1378/A SK. LKNK. 39/79 Jld. II(99)]

HAJI FATHULLAH SUHAIMI BIN HAJI ISMAIL

*Pengarah*

*Lembaga Kesihatan Negeri Kedah Darul Aman*

*Sungai Petani*

**Hakcipta Pencetak** (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA